

28/08/1998

Projek bukan untuk menunjuk

Misiah Taib

KUCHING, Khamis - Malaysia tidak pernah mengamalkan pembaziran atau melaksanakan projek pembangunan semata-mata untuk menunjuk-nunjuk, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sebaliknya, kata Perdana Menteri, semua projek yang dilaksanakan termasuk projek raksasa Empangan Hidro Elektrik Bakun, bertujuan merangsang pembangunan negara.

"Kita bukan jenis manusia yang suka membazir. Kalau kita nak membazir, lebih baik kita guna pendapatan kerajaan untuk bina patung bagi pemimpin kita.

"Umpamanya, bolehlah buat patung saya. Apa maknanya pujian daripada Tan Sri Taib (Ketua Menteri Sarawak) kepada saya. Lebih baik, beliau bina patung Dr Mahathir setinggi-tingginya.

"Tetapi di Malaysia, kerajaan tidak membuat itu semua kerana kita tidak mahu membazir wang," katanya ketika merasmikan baraj dan pintu air Skim Pengawalan Sungai Sarawak (SSRS) berharga RM150 juta di sini, hari ini.

Menurut Perdana Menteri, kerajaan melaksanakan SSRS, misalnya, semata-mata untuk kepentingan negara dan rakyat.

Dr Mahathir berkata, kerajaan juga mahu mendapatkan bekalan elektrik termurah menerusi pelaksanaan projek Bakun dan begitu juga pembinaan jalan raya, membesarkan pelabuhan dan lapangan terbang.

"Memang benar kita membuat bangunan lebih cantik daripada hanya untuk menyediakan kemudahan. Kita boleh bina bangunan seperti kotak rokok, tidak ada reka bentuk atau seni bina.

"Kita boleh lakukan itu. Tetapi tentulah tidak menarik. Manusia perlu kepada pemandangan indah dan kecantikan untuk jiwanya.

"Sebab itu selain menyediakan kemudahan untuk kegunaan ramai, kita juga cuba mempercantikkan kemudahan itu dan ini yang memerlukan kita berbelanja lebih wang, namun kepuasan yang diperolehi setimpal," katanya.

Malah, kata Perdana Menteri, pembinaan bangunan cantik menjadikan negara ini lebih menarik untuk didiami rakyat dan dikunjungi pelancong.

Dr Mahathir juga menolak tuduhan kononnya kerajaan menebang hutan merosakkan alam sekitar.

"Kalau kita menebang hutan pun, kita hanya membenarkan beberapa pokok saja ditebang dalam satu hektar.

"Sebaliknya, ketika saya bercuti di Vancouver (Kanada) dan meninjau alam sekeliling dari udara, negara itu mengamalkan sistem tebang pokok sehingga botak, sehingga tidak ada satupun tinggal," katanya.

Di Malaysia, kata beliau, kerajaan sentiasa prihatin, bukan saja memikirkan kepentingan rakyatnya, malah alam sekitar dan binatang liar.

Dr Mahathir turut mengingatkan rakyat agar sentiasa memulihara sungai dan tidak menjadikan anugerah Tuhan itu sebagai tempat pembuangan sampah atau najis.

"Sebenarnya sungai adalah satu rahmat dan nikmat yang kita terima daripada Allah, kerana tidak banyak negara mempunyai sungai seperti di negara ini, khususnya di Sarawak.

"Fikirkanlah kalau sungai kering macam wadi di Arab Saudi. Tentulah pada masa itu kita akan sembahyang hajat dan bagi yang Kristian pula akan ke gereja meminta Tuhan agar memberi balik sungai," katanya.

Justeru, katanya, rakyat harus menukar cara kehidupan dengan menghargai anugerah Tuhan.

(END)

